

Ucapan Perasmian

Yang Berbahagia

Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

sempena

**MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN SEMULA PENDAFTARAN
KONTRAKTOR G1 (BUMIPUTERA) DAN CABUTAN UNDI**

Resorts World Langkawi, Kedah

17 November 2019 (Ahad)

Para tetamu kehormat,
Wakil-wakil media,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Salam sejahtera dan selamat pagi.

1. Saya berbesar hati kerana kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1, anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia.
2. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pegawai-pegawai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia selaku penyelarasan utama, serta semua pegawai dan kakitangan daripada pelbagai agensi dan jabatan yang telah bersama-sama menjayakan Majlis Pelancaran ini. Kejayaan majlis hari ini adalah hasil daripada usaha sama pelbagai agensi kerajaan bagi memantapkan lagi industri pembinaan Malaysia.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1

3. KKR amat menyambut baik keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membuka semula pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera). Perkara ini jelas akan memberi peluang kepada kontraktor baharu Bumiputera terutamanya generasi muda yang berkecenderungan teknikal untuk terlibat dengan lebih aktif dalam industri pembinaan khususnya mengendalikan projek-projek Kerajaan.
4. Tambahan lagi, ia juga dilihat dapat menjadi wadah bagi melatih kontraktor Bumiputera sedia ada dan juga yang baru berdaftar, terutama sekali di kalangan kontraktor generasi muda yang dinamik dan celik teknologi untuk meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan mereka ke gred yang lebih tinggi dari masa ke semasa.
5. Selain itu, saya harap dengan pembukaan pendaftaran ini akan mendorong Kontraktor Gred G1 (Bumiputera) sedia ada yang kebanyakannya berada dalam kelas yang sama lebih 20 tahun untuk meningkatkan lagi kemampuan menjadi kontraktor dalam gred yang lebih tinggi iaitu Gred G2 hingga G7. Sekaligus, kita dapat melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang berdaya saing dan memainkan peranan utama dalam industri pembinaan negara.
6. Setakat ini, secara keseluruhannya seramai 39,834 kontraktor G1 memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) manakala seramai 23,505 kontraktor G1 telah perolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). Di Kedah khususnya, seramai 4,811 kontraktor G1 telah memiliki PPK dan 3,443 memperoleh SPKK. Manakala daripada jumlah ini, di Langkawi, seramai 162 kontraktor G1 telah mempunyai PPK dan 150 kontraktor G1 memiliki SPKK.

7. Saya berbesar hati kerana sejak pembukaan semula pendaftaran G1 pada 1 September yang lalu, CIDB telah menerima sebanyak 2,028 permohonan SPKK yang mana sebanyak 1,468 permohonan telah diluluskan dan 319 permohonan kini berada dalam proses. Manakala bagi Sijil Taraf Bumiputra (STB) pula, sebanyak 990 permohonan telah diterima yang mana 824 permohonan telah diluluskan dan 150 sedang diproses.
8. Dengan ini, saya ingin menekankan di sini bahawa KKR akan terus komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi melahirkan lebih ramai kontraktor daripada golongan Bumiputera yang berkemahiran dan boleh digilap hingga mampu bersaing di persada antarabangsa.
9. Saya juga difahamkan bahawa Cabutan Undi akan dilangsungkan esok bagi memberi peluang kepada Kontraktor Gred G1 Bumiputera di Langkawi untuk terlibat dalam projek-projek Kerajaan yang akan dilaksanakan awal tahun 2020. Saya berharap agar kontraktor yang terpilih akan memberikan komitmen dan kerjasama yang baik untuk melaksanakan projek tersebut demi kepentingan rakyat dan negara.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Inisiatif-inisiatif Pemerksaan Kontraktor

10. Gred G1 merupakan satu platform permulaan untuk kontraktor baru menceburi dan menimba pengalaman di dalam industri pembinaan. CIDB sebagai badan berkanun di bawah KKR telah melaksanakan pelbagai program untuk memperkasakan kontraktor-kontraktor tempatan, termasuk golongan Bumiputera, bagi melahirkan lebih ramai kontraktor yang berkemahiran dan berdaya saing di dalam bidang pembinaan menjelang tahun 2020.

11. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Usahawan Muda, Contractor4U dan E-Learning. Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030, CIDB menerusi Akademi Binaan Malaysia telah memperkenalkan Program Usahawan Muda untuk memberi peluang kepada pemegang Sijil Kecekapan Kemahiran CIDB menceburi bidang perniagaan di dalam industri binaan.
12. Program ini menyediakan latihan kemahiran serta keusahawanan dalam tempoh tiga bulan setengah. Selepas para peserta berjaya mengikuti program ini, mereka boleh mendaftar sebagai kontraktor G1.
13. Selain itu, CIDB juga memperkenalkan Contractor4U, sebuah aplikasi telefon yang menyediakan kemudahan pemilik rumah ataupun perniagaan untuk mendapatkan perkhidmatan daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dalam bidang pengkhususan pendingin hawa, jubin, ubahsuai dan banyak lagi. Aplikasi ini turut menjadi medium pemasaran bagi kontraktor-kontraktor tempatan, sekaligus mengurangkan budaya mendapatkan perkhidmatan daripada kontraktor asing dan juga yang tidak berdaftar.
14. Portal E-Learning pula merupakan satu platform yang menempatkan semua modul atas talian yang telah dibangunkan oleh pihak CIDB. Kontraktor-kontraktor yang baru berdaftar harus menjalani dan juga lulus 3 kursus wajib iaitu kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor, Pengurusan Bisnes Kontraktor dan juga E-SICW (*Safety Induction for Construction Workers*).
15. Ianya diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada pihak kontraktor untuk mengikuti kursus pada bila-bila masa mengikut kesesuaian pihak terbabit, sekaligus meningkatkan keberkesanan kursus.
16. Menerusi program-program seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, kontraktor-kontraktor G1 dapat meningkatkan keupayaan mereka ke gred yang lebih tinggi. Hasilnya, mereka dapat memperoleh modal yang lebih banyak dan seterusnya mampu membangunkan projek-projek yang lebih besar.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penggunaan Teknologi Ke Arah Ekonomi Berasaskan Produktiviti

17. Peningkatan produktiviti dalam industri pembinaan dapat menyokong aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menerusi pengeluaran output yang lebih tinggi. Bagi menghadapi cabaran dan permintaan perkembangan Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0, KKR memberikan tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan inovasi dalam industri pembinaan melalui penggunaan teknologi.

18. Selaras dengan moto KKR pada tahun ini iaitu "Digitalising the Construction Industry", KKR bukan hanya memberi tumpuan kepada pembangunan mekanisme, perisian dan robotik semata-mata. Malah, KKR bersama dengan CIDB sedang mempergiatkan lagi usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi seperti *Industrialised Building System (IBS)*, *Highway Information Modelling (HIM)* dan *Building Information Modelling (BIM)* dalam industri pembinaan.

19. Bagi memudahcara penggunaan teknologi di kalangan penggiat industri tempatan, CIDB turut menyediakan pusat-pusat sehenti seperti

- Pusat myBIM - Tempat rujukan untuk mempromosi dan meningkatkan penggunaan sistem BIM dan juga,
- Galeri Komponen IBS - Pusat rujukan IBS yang mempamerkan komponen-komponen IBS yang kini boleh diperolehi di pasaran Malaysia.

20. Seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk menuju ke arah ekonomi berasaskan produktiviti dan maju, KKR akan memperkukuhkan lagi kerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan serta agensi-agensi lain untuk melahirkan kontraktor-kontraktor dalam kalangan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi dan diakreditasi di Malaysia. Secara tidak langsung, inisiatif-inisiatif ini dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

21. Justeru itu, saya juga ingin menyeru kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari ini untuk memanfaatkan teknologi terkini. Ini adalah kerana, ia akan membuka peluang kepada para kontraktor G1 untuk membangunkan projek-projek swasta atau bekerjasama dengan kontraktor kelas lebih tinggi untuk projek-projek dari sektor awam ataupun swasta. Perkara ini sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada projek Kerajaan sahaja.

22. Saya yakin bahawa dengan usaha sama daripada kesemua pihak, kita dapat melahirkan tenaga kerja Bumiputera yang berdaya saing dan pada masa yang sama dapat merapatkan jurang pendapatan antara kaum tanpa menjejaskan ekosistem industri pembinaan negara, selaras dengan prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama.

Penutup

23. Kejayaan pembangunan sektor industri pembinaan bukan hanya bergantung kepada ketersediaan modal dan mesin semata-mata, tetapi juga bergantung kepada keupayaan dan kapasiti modal insan.

24. Dengan ini, saya ingin memberi galakan kepada golongan belia dan kontraktor-kontraktor Bumiputera di luar sana untuk memanfaatkan segala peluang yang tersedia dan bersama-sama memainkan peranan dalam membangunkan lagi industri pembinaan tempatan.

25. Saya yakin, dengan kerjasama seperti ini dan komitmen daripada kesemua pihak, kita dapat merealisasikan aspirasi CITP, "*Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan*".

26. Dengan lafaz bismillahirohmanirohim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) dan Cabutan Undi.

Sekian, Wabillahitauфик Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.